

Peranan dan Cabaran KAGAT dalam Membina Kesejahteraan Masyarakat Malaysia

[KAGAT'S Role and Challenges in Building The Well-Being of Malaysian Society]

BITARA

Volume 5, Issue 2, 2022: 106-118
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 6 Mei 2022
Accepted: 23 Mei 2022
Published: 30 Jun 2022

Mohd Subri Ghazali¹, Muhamad Razak Idris^{1*} & Nozira Salleh¹

1 Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: subri375@gmail.com; mrazak@ukm.edu.my; aziera@ukm.edu.my

* Corresponding Author: mrazak@ukm.edu.my

Abstrak

Kesejahteraan masyarakat merupakan matlamat terpenting yang ingin dicapai oleh agama Islam. Konsep Islam *rahmatan lil alamin* iaitu agama Islam sebagai *rahmah* untuk seluruh alam yang terkandung dalam al-Quran merupakan asas pemikiran penting yang memandu umat Islam merealisasikan kesejahteraan dalam sebuah masyarakat. Kajian ini mendapati Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) merupakan sebuah institusi yang turut menyumbang dengan aktif dalam mencapai kesejahteraan masyarakat Malaysia terutama di kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sehubungan itu, kajian ini menghuraikan sejarah dan tujuan penubuhan KAGAT serta menganalisis peranan dan cabaran yang telah dilaksanakan oleh KAGAT bagi membina kesejahteraan masyarakat Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan metode analisis dokumen dan temubual bagi mencapai tujuan tersebut. Kajian mendapati KAGAT telah mengaplikasikan pendekatan pembangunan sumber insan berasaskan konsep *daie askari* dalam usaha membina warga ATM yang berilmu dan berbakti kepada masyarakat dan negara. Program dakwah bagi membina masyarakat sejahtera terbahagi kepada aspek rohaniah, ilmiah dan kebajikan sosial. Bagi memastikan keberkesanan program pembinaan masyarakat sejahtera, beberapa syor penambahbaikan dikemukakan antaranya keperluan bagi pengukuhan program latihan warga ATM, penambahan keanggotaan KAGAT, serta peningkatan tahap kefahaman *qadhaaya al-dakwah* kepada anggota KAGAT merupakan langkah paling berkesan melonjakkan lagi peranan KAGAT.

Kata kunci: Angkatan Tentera Malaysia, KAGAT, Islam di Malaysia, dakwah dan masyarakat sejahtera..

Abstract

The well-being of society is the most important goal that Islam wants to achieve. The Islamic concept of *rahmatan lil alamin*, which is the religion of Islam as mercy for the whole world contained in the Qur'an, is an important basis of thought that guides Muslims to realize well-being in a society. This study found that the Religious Corps of the Malaysian Armed Forces (KAGAT) is an institution that contributes actively in achieving the well-being of Malaysian society, especially among members of the Malaysian Armed Forces (ATM). Accordingly, this study describes the history and purpose of establishing KAGAT and analyzes the role and challenges that KAGAT has implemented to build the well-being of Malaysian society. This study applies the method of document analysis and interviews to achieve that goal. The study found that KAGAT has applied the human resource development approach based on the *daie askari* concept in an effort to build ATM citizens who are knowledgeable and devoted to the community and country. The preaching program to build a prosperous society is divided into spiritual, scientific and social welfare aspects. In order to ensure the effectiveness of the program of building a prosperous community, several improvement recommendations were put forward including the need for strengthening the training program for ATM residents, increasing the

membership of KAGAT, as well as increasing the level of understanding of qadhaaya al-dakwah for KAGAT members is the most effective step to further boost the role of KAGAT.

Keywords: Malaysian Armed Forces, KAGAT, Islam in Malaysia, Dakwah and a prosperous society.

Cite This Article:

Mohd Subri Ghazali, Muhamad Razak Idris & Nozira Salleh. (2022). Peranan dan cabaran KAGAT dalam membina kesejahteraan masyarakat Malaysia [KAGAT'S role and challenges in building the well-being of Malaysian society]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 106-118.

Pengenalan

Konsep kesejahteraan masyarakat dari perspektif Islam boleh diteliti pada istilah ‘*rahmatan lil alamin*’ sebagaimana dinyatakan oleh al-Quran (surah al-Anbiya’ ayat 107) iaitu:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi seluruh alam”.

Menurut ayat ini, pengutusan Nabi Muhammad SAW ke muka bumi adalah bertujuan membina sebuah masyarakat manusia yang hidup dalam suasana yang sejahtera. Suasana kesejahteraan masyarakat ini boleh dicapai menerusi penerapan nilai-nilai rahmah dalam kehidupan mereka. Dalam konteks ini, ajaran dan petunjuk wahyu yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW sepanjang pengutusan baginda mengandungi bimbingan dan teladan kepada masyarakat manusia bagi merealisasikan pembinaan masyarakat yang sejahtera.

Satu lagi istilah yang diperkenalkan al-Quran yang sering dirujuk sebagai dorongan wahyu bagi pembinaan masyarakat yang sejahtera ialah ‘*baladun tayyibatun*’ (بَلَدٌ طَيِّبَةٌ). Istilah ini terkandung dalam surah Saba’ ayat 15 sebagaimana firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتِنَ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ ؕ كُلُّوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Maksudnya: “Sungguh, bagi kaum Saba’ ada tanda (kebesaran Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri, (kepada mereka dikatakan), “Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik (nyaman) sedang (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.”

Menurut Ibn Kathir kalimah بَلَدٌ طَيِّبَةٌ (negeri yang baik) pada ayat di atas adalah merujuk kepada negara kaum Saba’. Negara ini mempunyai tanaman yang subur dan penduduknya hidup dalam kesejahteraan. Allah SWT menganugerahi mereka kesuburan dan kesejahteraan kerana mereka sentiasa bersyukur kepada Allah SWT. Kesuburan dan kesejahteraan itu akhirnya dibinasakan oleh Allah SWT apabila penduduk Saba’ tidak lagi mentaati Allah SWT.

Sehubungan itu, masyarakat yang sejahtera ialah masyarakat yang dipandu oleh nilai-nilai hidup yang luhur berpaksikan akidah Islam yang benar. Dalam hubungan ini, sarjana Muslim terkenal bernama Abu Nasr Muhammad ibn Muhammad ibn Tarkhan bin Awzalagh al-Farabi (870 M – 950 M) telah membangunkan satu model pemikiran masyarakat yang sejahtera yang dinamakan *Madinatu al-Fadhilah* (المَدِينَةُ الْفَضِيلَةُ) atau diterjemahkan sebagai negara unggul, bahagia, utama atau ideal sebagai diinspirasikan berpandukan konsep *baladatan tayyibatun* yang diperkenalkan oleh al-Quran tersebut.

Menurut al-Farabi, konsep Negara Unggul dan Bahagia ialah sebuah kehidupan yang ideal yang dibandingkan dengan sistem badan manusia yang sempurna di mana semua organ dan anggota tubuh manusia yang bersatu padu serta melaksanakan tugas masing-masing dengan jayanya semata-mata untuk membantu jantung (pemimpin) demi kebaikan dan kesejahteraan masyarakat di bawah pentadbiran pemimpin yang bijak (Akbar Dwianto 2018).

Menurut Akbar Dwinto, al-Farabi telah menyenaraikan sejumlah pra-syarat yang mesti dijayakan oleh sesebuah masyarakat bagi mencapai Negara Unggul iaitu; bersatu padu dan bekerjasama secara internasional, meyakini Islam sebagai agama universal yang sejati dengan memartabatkan nilai-nilai kemanusiaan, mengimplementasi persamaan hak di samping mengakui adanya kepelbagaian agama.

Salah seorang sarjana semasa yang turut membincangkan tema kesejahteraan masyarakat ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya 'Islam dan Sekularisme'. Menurut beliau, kebahagiaan ialah asas kesejahteraan masyarakat dan ia boleh diperolehi melalui keyakinan kepada Allah SWT dan kepada ilmu, iman dan akhlak yang baik (Naquib al-Attas 2020). Di samping itu, Naquib al-Attas (1995) dalam bukunya berjudul '*Prolegomena To The Metaphysics Of Islam*' menyatakan kebahagiaan bermaksud:

“Happiness according to the perspective of Islam is expressed by term sa'adah, and it relates by two dimensions of existence: to the hereafter (ukhrawiyyah) and to the present world (dunyawiyyah). The contrary of sa'adah is syaqawah which conveys the meaning of the great misfortune and misery in general. With respect to the hereafter sa'adah refer to ultimate happiness, which is everlasting felicity and bliss, the highest being the Vision of God, promised to those who in wordly life have lived in willing submission and conscious and knowing obedience of God's commands and prohibitions.”

Melalui pernyataan Naquib al-Attas itu, dapat dijelaskan bahawa matlamat kebahagiaan dalam Islam bukan hanya di dunia bahkan merangkumi akhirat. Bahagia menurut perspektif Islam adalah satu keadaan batin yang boleh dirasai tetapi sukar untuk dijelaskan. Keadaan ini hanya boleh dirasai oleh mereka yang taat kepada suruhan dan tegahan Allah SWT. Kebahagiaan hakiki adalah berlandaskan kepada keimanan sejati bermula dari dunia sementara yang didiami manusia hinggalah ke akhirat yang abadi.

Nyata, persoalan kesejahteraan hidup adalah sebuah matlamat terunggul dalam agama Islam. Para sarjana seperti al-Farabi dan Naquib al-Attas merupakan antara sebahagian sarjana Muslim yang telah memperkenalkan model dan pemikiran berkaitan pembinaan masyarakat yang sejahtera sebagai panduan dalam kehidupan. Kesedaran terhadap kepentingan membina masyarakat sejahtera kini didapati dihayati oleh sebahagian besar masyarakat terbanyak dan

proses merealisasikannya telah dilaksanakan oleh pelbagai usaha samada di peringkat institusi dan agensi kenegaraan atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan menggunakan pelbagai pendekatan dan amalan yang sesuai dengan pertanggungjawaban yang telah diamanahkan.

Kajian ini telah mendapati, Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) juga telah menyumbang usaha dengan amat aktif bagi merealisasikan matlamat pembinaan kesejahteraan masyarakat Malaysia. Peranan tersebut dapat dilihat dalam pelbagai inisiatif berbentuk kerohanian, pendidikan dan latihan yang dilaksanakan oleh KAGAT terhadap para pelatih dan warga Angkatan Tentera Malaysia. Di samping itu, kajian juga mendapati, penambahan keanggotaan KAGAT di semua peringkat perkhidmatan, penambahbaikan silibus dan teknik latihan serta peningkatan tahap pengetahuan berkaitan *qadhaaya al-dakwah* diyakini dapat mengatasi semua cabaran yang dihadapi.

Kajian ini bertujuan melihat apakah peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT berdasarkan usaha-usaha dakwah yang telah dilaksanakan di dalam kem tentera atau di luar kem tentera semasa aman, operasi dan perang kepada anggota KAGAT, anggota ATM, ahli keluarga anggota ATM serta masyarakat awam yang berkhidmat dan tidak berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan. Bukan itu sahaja, segala cabaran yang dihadapi oleh KAGAT dalam usaha membina kesejahteraan masyarakat juga dilihat.

Kajian ini menggunakan metode analisis kepustakaan bersandarkan dokumen rasmi berkaitan KAGAT yang telah diperolehi dari Perpustakaan Ibn Khaldun, Bahagian Pengurusan Latihan dan Bahagian Peperiksaan Kurikulum di Institut Latihan Kefahaman Islam ATM (ILMI ATM) serta temubual bersama dua orang pegawai latih ILMI. Lain daripada itu, metode observasi terhadap beberapa aktiviti yang dilaksanakan KAGAT juga digunakan bertujuan mempelbagaikan data. Data-data tersebut telah dianalisis secara kritis bagi meneliti dan menyimpulkan peranan dan cabaran KAGAT dalam pembinaan kesejahteraan masyarakat Malaysia terutama terhadap para warganya.

Sejarah dan Tujuan Penubuhan KAGAT

KAGAT ditubuhkan pada 16 April 1984 sebagai Kor yang ke-16 dalam Tentera Darat Malaysia. KAGAT memiliki peranan besar dalam melaksanakan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMKI) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah diwartakan menerusi Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil 9 Tahun 1991 (PMAT Bil 9/91, 1991). Majlis Angkatan Tentera (MAT) dalam persidangan khas pada 24 Jun 1980 telah meluluskan penubuhan sebuah Kor yang berasaskan agama dalam Tentera Darat. Dalam persidangan MAT 238 pada 29 November 1984 pula telah meluluskan Skim Perkhidmatan Kor Agama. Manakala, dalam persidangan MAT 249 bertarikh 29 Mac 1986 telah meluluskan syarat-syarat pertukaran perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Agama Islam ke KAGAT (Arahan Pentadbiran KAGAT No 1).

Mohd Mazli (2004) menjelaskan penubuhan ini bermula pada tahun 1979 hasil pandangan Menteri Pertahanan ketika itu, Yang Berhormat Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud tentang betapa perlunya penubuhan sebuah Kor Agama. Idea tersebut akhirnya dapat dilaksanakan pada tahun 1981 apabila Tun Dr Mahathir bin Mohamed, mantan Perdana Menteri Malaysia telah menggesa penubuhan sebuah Kor bertujuan mengendalikan hal ehwal

keagamaan dalam ATM. Penugasan KAGAT meliputi tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu, Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara.

Tujuan penubuhan KAGAT adalah membangunkan sumber manusia yang seimbang dan bersepadu dari sudut fizikal, mental dan *spiritual* melalui perkhidmatan keagamaan ketika aman, operasi ketenteraan bukan perang dan operasi ketenteraan ketika perang. Menurut portal rasmi Markas ATM (2021), KAGAT bertanggungjawab meningkatkan profesionalisme organisasi melalui perancangan dasar dan pembangunan organisasi yang efektif dan efisien, menyediakan perkhidmatan media dan bahan penerbitan bagi keperluan pengoperasian keagamaan, menyediakan pendidikan kerohanian bagi membangunkan kekuatan tempur warga ATM. Selain itu, KAGAT juga berperanan membangunkan fungsi masjid dan surau ATM sebagai pusat pembangunan kerohanian dan khidmat sosial, menyediakan perkhidmatan keagamaan merangkumi hal-hal kekeluargaan, kebajikan dan kemasyarakatan warga ATM.

Melalui tujuan yang dinyatakan, fokus tanggungjawab KAGAT secara urutannya adalah kepada anggota KAGAT sendiri, anggota ATM, keluarga ATM dan masyarakat setempat di mana mereka berada atau ditempatkan. Membangunkan fungsi masjid dan menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat awam.

Peranan KAGAT dalam Membina Kesejahteraan Masyarakat

Menerusi peranan dan tugas yang telah dipertanggungjawabkan oleh ATM, KAGAT telah menjalankan pelbagai kegiatan yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Malaysia meliputi komuniti ATM dan masyarakat awam. Pelaksanaan kegiatan KAGAT tersebut boleh dipecahkan seperti berikut:

a. Melatih Warga KAGAT

ILMI ATM ialah singkatan daripada Institut Latihan Dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia yang terletak di Jalan Persiaran Pahlawan, Port Dickson, Negeri Sembilan. Di sini tempatnya KAGAT melatih dan melahirkan Pendakwah Tentera (*Da'ie Askari*). Pelatihan KAGAT di ILMI ATM ini dilaksanakan secara formal berpandukan SLTD (Sistem Latihan Tentera Darat). Latihan atau kursus yang dianjurkan setiap tahun di Institut ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari *KOD AT No 1* dan *KOD AT No 2* (2017-2021). Keseluruhan kursus-kursus yang dilaksanakan di ILMI ATM bukan sahaja melibatkan anggota ATM bahkan beberapa siri kursus pilihan tertentu telah disertai oleh anggota tentera dari negara-negara MDCP (*Malaysian Defence Cooperation Programme*) dan bukan MDCP seperti Bosnia, Tunisia, Indonesia, Jordan, Brunei, Kemboja, Myanmar, Maldieves dan Filipina (*Laporan Keseluruhan Kursus Tahun 2011 2012*). Semakan penulis terhadap beberapa Arahan Pentadbiran Kursus anjuran ILMI ATM mulai tahun 2007 hingga 2021 mendapati tiga kategori utama kursus-kursus yang telah dipertanggungjawabkan kepada ILMI ATM untuk dilaksanakan adalah:

i. Kursus Kerjaya KAGAT

Kursus Kerjaya KAGAT adalah kursus-kursus yang dilaksanakan khusus untuk peningkatan kerjaya bagi tujuan kenaikan pangkat serta membina kepakaran berdakwah dalam ketenteraan bagi pegawai dan anggota KAGAT. Selain dari itu, kursus kerjaya ini juga dapat melayakkan anggota KAGAT menerima kenaikan *band* (gaji). Sukatan pelajaran dalam kursus-kursus ini dirangka berdasarkan kepada kaji selidik spesifikasi kerja utama pegawai dan anggota LLP KAGAT. Terdapat tujuh jenis Kursus Kerjaya KAGAT secara keseluruhannya untuk diikuti oleh pegawai dan anggota LLP KAGAT, dua daripada kursus tersebut telah dirangka khusus untuk para pegawai KAGAT.

ii. Kursus Fungsional KAGAT

Kursus-kursus fungsional atau sampingan ini dijadikan sebagai nilai tambah terhadap peningkatan tugas dan pengetahuan kepada pegawai dan anggota LLP KAGAT. Sukatan pelajaran kursus ini dirangka berdasarkan kaji selidik spesifikasi kerja pegawai dan anggota LLP KAGAT. Contohnya, Kursus *Qawaid Fiqhiyyah*, Kursus Pengurusan dan Pentadbiran KAGAT, Kursus Bimbingan Kaunseling dan banyak lagi.

iii. Kursus Tiga Perkhidmatan ATM

Kursus ini merupakan kursus yang bertujuan menjana pengetahuan, kemahiran dan pengubahan sendiri berteraskan Islam kepada semua peringkat pegawai dan anggota ATM (mengikut jenis kursus) bersesuaian dengan era globalisasi ke arah menjayakan misi dan visi ATM. Sukatan pelajaran kursus-kursus ini dirangka berdasarkan kaji selidik tuntutan Fardu Ain dan Fardu Kifayah kepada semua peringkat anggota ATM yang bertugas di Darat, Laut dan Udara. Sebahagian dari kursus-kursus popular yang dianjurkan adalah; Kursus Pemurnian Akidah Pegawai dan Anggota ATM, Kursus Bahasa Arab Komunikasi Pegawai dan Anggota ATM, Kursus Penghayatan Islam Bersepadu Pegawai dan Anggota ATM dan banyak lagi. Satu-satunya kursus yang melibatkan pegawai tentera Muslim antarabangsa adalah Kursus *Methodology of Dakwah*.

b. Melaksanakan Pengurusan keagamaan di Pasukan dan Formasi Darat, Laut dan Udara. Pelaksanaan pengurusan keagamaan ini akan dikoordinasikan oleh pegawai dan anggota KAGAT yang bertugas di pasukan atau di formasi Darat, Laut dan Udara. Merujuk kepada *Manual Etika Dan Pelaksanaan Tugas KAGAT* (1997) dan Mohd Mazli (2004), program-program ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu.

i. Pengurusan Keagamaan Ketika Aman

Pertama, pengurusan Pejabat Agama Pasukan. Pejabat Agama Pasukan bertanggungjawab menguruskan semua perekodan dan urusan berkaitan dengan keagamaan. Selain itu, memantau, melaksana dan memastikan segala arahan berkaitan agama dari pihak atasan agar dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua anggota ATM juga menjadi sebahagian daripada tugas KAGAT.

Program ini tetap dilaksanakan sehingga ke operasi ketenteraan bukan perang dan di misi antarabangsa yang disertai KAGAT.

Kedua, pengurusan jenazah. Pengurusan jenazah yang dipertanggungjawabkan kepada pegawai dan anggota KAGAT bukan hanya kepada anggota tentera sahaja bahkan anak, isteri, ibu serta bapa anggota tentera yang meninggal juga perlu diuruskan oleh pegawai dan anggota KAGAT. Pengurusan ini bermula dari awal kematian hinggalah jenazah selamat dikebumikan. Hal ini termasuklah mengiringi jenazah hingga ke tempat pengebumian sama ada dekat ataupun jauh serta melaksanakan tahlilan sekiranya diperlukan oleh waris jenazah.

Pengurusan jenazah KAGAT dalam acuan ketenteraan agak berbeza dengan pengurusan jenazah biasa. Ini dapat dilihat ketika peristiwa pesawat MH17 yang ditembak jatuh pada 17 Julai 2014 sewaktu melalui kawasan bergolak di timur Ukraine dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur. Kejadian tersebut telah mengorbankan 283 penumpang serta 15 anak kapal. Selepas kejadian itu, tiga orang pegawai KAGAT telah ditugaskan untuk membuat penarikan keluar jenazah korban dan diserahkan kepada keluarga terlibat. Ia bukanlah misi yang mudah untuk dilaksanakan kerana mereka tidak dibekalkan dengan baju kalis peluru. Jenazah pula perlu dibawa keluar dengan menggunakan kereta api yang kerap diserang di kawasan konflik serta mengambil masa sehingga 34 hari (Mohd Khidir 2021).

Ketiga, pengurusan dan pentadbiran keluarga Islam. Pengurusan kekeluargaan ini adalah melibatkan urusan nikah, cerai, rujuk, nafkah, kebajikan, bantuan zakat, kaunseling dan penyelesaian masalah keluarga serta hal-hal lain yang melibatkan kekeluargaan adalah menjadi tanggungjawab KAGAT untuk menguruskannya.

Keempat, pengurusan pendidikan Islam. Merujuk *Manual Etika Dan Prosedur Pelaksanaan Tugas KAGAT* (1997), terdapat banyak program Pendidikan Islam perlu dilaksanakan oleh pegawai dan anggota KAGAT dalam usaha meningkatkan pengetahuan Islam di kalangan anggota tentera dan keluarga mereka. Program-program tersebut dilaksanakan sempena sambutan hari kebesaran Islam di sepanjang tahun. Manakala program sepanjang masa adalah, Kursus Pendidikan Islam Fardu Ain, Sekolah Rendah Agama Anak-anak Tentera (SRATA), kelas agama untuk isteri-isteri anggota tentera (BAKAT) dan kelas pengajian di masjid dan surau-surau ATM. Selain itu, terdapat juga tazkirah ringkas yang dilaksanakan sebelum bermulanya mesyuarat dan perbarisan ketenteraan.

ii. Pengurusan Keagamaan Ketika Operasi Dan Latihan

Semasa latihan dan operasi ketenteraan kebiasaannya, anggota KAGAT akan turut serta sebagai sebahagian dari kekuatan pasukan atau formasi. Program dakwah tetap diteruskan walau dalam kesibukan anggota tentera melaksanakan operasi dan latihan. Antara tanggungjawab mereka adalah melaksanakan solat hajat, membimbing anggota menyapu *khuf*, melaksanakan latihan solat perang dan membaca doa selamat sebelum bermulanya operasi atau latihan, memberi penerangan tentang adab, solat dan doa musafir, menyediakan tempat solat di medan, menyiapkan kubu pertahanan peribadi, mengurus jenazah jika terdapat kematian, menyiapkan kubur dan penanda untuk latihan dan operasi, mengadakan Qiamullail Medan, wirid *ma'thurat*, usrah, zikir dan bacaan al-Quran bagi memenuhi konsep "*ruhbanullail wa fursanunnahar*" (kuda di siang hari, ahli ibadah di malam hari). Seterusnya, bimbingan dan kaunseling

keagamaan juga menjadi tanggungjawab mereka ketika operasi dan latihan untuk membina “*spiritual combat power*” (kuasa perang rohaniah).

iii. Pengurusan Keagamaan Ketika Perang

Pengurusan perkhidmatan keagamaan tetap diteruskan walaupun dalam suasana peperangan. Tugas yang dipikul antaranya ialah, mengingatkan dan menasihati pemerintah dan anggota tentera tentang konsep peperangan dalam Islam, memelihara nyawa dan harta orang-orang yang tidak berdosa serta golongan yang lemah, memastikan tawanan dan tebusan perang dilayan dengan baik, memastikan mangsa yang terbunuh dikuburkan dengan sopan mengikut ajaran agama, mengingatkan pemerintah dan anggota tentera tentang adab-adab dalam peperangan, meniupkan semangat jihad, membimbing solat *khauf* dan solat *Shiddatu al-Khauf* serta memberi bimbingan kepada anggota yang menghadapi konflik atau demam peperangan.

c. Melaksanakan Aktiviti Dakwah Kepada Masyarakat Awam

Antara Langkah yang diambil oleh KAGAT dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti awam adalah:

i. Melaksanakan Program Jiwa Murni

Bertepatan dengan tema Sambutan Hari Tentera Darat bagi tahun 2021 iaitu ‘*Sinergi Tentera Darat dan Rakyat: Tunjang Kedaulatan Negara*’, yang telah diumumkan oleh Panglima Tentera Darat, KAGAT tidak ketinggalan bersama membantu ke arah merealisikannya melalui program atau aktiviti keagamaan. Program Jiwa Murni merupakan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Malaysia (TDM) dengan masyarakat awam. Sebagai contohnya melalui Divisyen Kelima Infantri Malaysia (5 Div) Kota Kinabalu, Sabah yang memfokuskan Program Jiwa Murni bagi membaik pulih kelas KAFA (Kelas Agama Fardu Ain) Nurul Shuhada untuk pengajian KAFA anak-anak tentera dan masyarakat sekitar (Nurulhuda. 2021).

Program Jiwa Murni bukanlah program baharu bagi KAGAT khasnya dan Tentera Darat amnya. Program ini telah sekian lama diperkenalkan. Pada tahun 2011 misalnya, ILMI ATM di bawah penganjuran Pelatih KAGAT pernah menganjurkan pertandingan tulisan khat dan jawi untuk anak-anak tentera peringkat Port Dickson. Matlamat program tersebut adalah sebagai usaha mencambah minat dan cintakan tulisan jawi dalam kalangan anak-anak (Nurulatiq & Nuraziazila 2011). Selain itu pada tahun yang sama juga Pelatih KAGAT telah berjaya menganjurkan Program Jiwa Murni bersama dengan masyarakat Telok Pelandok, Negeri Sembilan. Program dimeriahkan dengan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan, mengadakan ceramah sempena Israk dan Mikraj serta menyampaikan sumbangan kepada warga emas, fakir miskin dan anak-anak yatim (Nurulatiq & Nuraziazila 2011).

ii. Menawarkan Pendidikan Keagamaan Melalui STAY ATM

Sekolah Tahfiz dan Asrama Anak Yatim telah ditubuhkan secara *ad hoc* pada 1 Mac 2013 atas nama Sekolah Tahfiz Anak Yatim Tentera Darat (STAY TD). Lokasi sekolah ini adalah berhampiran Masjid Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Jeneral Tan Sri Dato` Sri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin, Panglima Tentera Darat ketika itu yang mencetuskan idea kepada penubuhan sekolah ini. Pendidikan tahfiz ini bersifat tetap, tersusun dan berterusan bertujuan menjaga kebajikan dan pendidikan Agama kepada anak-anak yatim daripada bekas dan pesara Tentera Darat serta kakitangan awam yang berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan.

STAY TD adalah berkonsepkan pendidikan berteraskan al-Quran melalui pengajian tahfiz al-Quran secara formal. Sekolah ini didaftarkan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 19 November 2012. Pada 17 Jun 2014 melalui mesyuarat *BoG* (*Board of Governors*) yang dipengerusikan oleh Ketua Staf Markas ATM, sekolah ini tidak lagi dinamakan STAY TD kerana pengoperasiannya telah diserahkan kepada ATM. Nama baharu sekolah ini ialah Sekolah Tahfiz Dan Asrama Anak Yatim ATM (STAY ATM). Barisan pentadbir sekolah ini adalah terdiri seorang mudir (pegawai KAGAT) berpangkat Mejar dan dibantu oleh tiga lagi pegawai KAGAT berpangkat Mejar dan Kapten (*Slaid Taklimat STAY ATM 2020*). Keseluruhan kakitangan STAY ATM adalah seramai 15 orang, 11 orang daripada mereka adalah anggota KAGAT manakala 4 orang anggota lagi adalah daripada pelbagai Kor. Tumpuan sekolah ini adalah kepada penyertaan pelajar bermula usia 13 tahun sehinggalah 17 tahun. Sistem hafalan sepenuh masa difokuskan kepada pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga, manakala pelajar Tingkatan Empat dan Lima akan menumpukan kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Omar Zin 2021). Sehingga Jun 2021 jumlah pelajar di STAY ATM telah mencecah 85 orang.

iii. Meningkatkan Motivasi Beragama Melalui PASDAM KAGAT

PASDAM bermaksud Pasukan Dakwah Medan. Pada 8 Julai 2004, permohonan penstrukturan semula Jabatan Arah KAGAT telah diluluskan oleh perkhidmatan awam melalui warden Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Misi pasukan ini adalah untuk membantu KAGAT khususnya dan ATM amnya dalam meninggikan tahap profesionalisme menerusi pendidikan Islam serta memberi khidmat dakwah bergerak kepada seluruh warga ATM. Pasukan ini diterajui oleh seorang pegawai KAGAT berpangkat Leftenan Kolonel dan dibantu oleh dua pegawai berpangkat Mejar dan Kapten serta tiga lagi anggota LLP KAGAT.

Modul latihan yang digunapakai pasukan ini berdasarkan kepada singkatan JERI 561. JERI 561 bermaksud Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek, manakala angka 561 bermaksud Rukun Islam (5), Rukun Iman (6) dan Ihsan (1). Tempoh pelaksanaan latihan ini adalah selama empat hari dan tiga malam. Tujuan latihan dilaksanakan adalah untuk melahirkan kesedaran tanggungjawab terhadap Allah dan membina pemikiran yang positif serta menyuntik semangat juang. Motto PASDAM adalah 'Berdakwah Di Mana Jua' (*Video PASDAM 2019*). Selain berperanan dalam ATM sendiri, PASDAM juga kerap kali diundang oleh kementerian atau jabatan awam lain, sebagai contohnya merujuk kepada *facebook* milik PASDAM (2020) pada 16-18 Mac 2020 PASDAM telah diundang mengendalikan Kursus Pemulihan Akidah Kepada

Tahanan Radikal Siri 1/2020 di Auditorium Mahsuri, Akademi Koreksional Malaysia anjuran Jabatan Penjara Malaysia, Kuah, Langkawi.

iv. Mewujudkan Hiburan Alternatif Melalui Kumpulan Nasyid Fursan

Merujuk kepada maklumat tertera di belakang cakera padat asli kumpulan nasyid Fursan, maksud Fursan adalah 'kuda perang'. Ditubuhkan pada tahun 1998 bertujuan melaksanakan misi-misi dakwah melalui hiburan alternatif Islam. Kumpulan ini dianggotai oleh dua orang pegawai dan tiga orang anggota LLP KAGAT. Matlamat asal penubuhan kumpulan ini adalah untuk menyampaikan lagu-lagu nasyid dalam majlis-majlis sambutan hari kebesaran Islam yang dilaksanakan dalam ATM.

Idea penubuhan kumpulan ini telah dicetuskan oleh bekas pengarah KAGAT ke-3 iaitu Mejar Jeneral Dato` Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B). Pada tahun 2010 kumpulan Fursan telah memulakan pembikinan album pertama mereka berjudul '*Ibtida*' yang telah siap sepenuhnya pada pertengahan tahun yang sama. *Ibtida* adalah sebuah album yang berkonsepkan irama nasyid pop kontemporari. Terdapat sembilan buah lagu yang dimuatkan dalam album *Ibtida* ini. Lagu yang paling mendapat sambutan berjudul 'Keinsafan Diri'. Lagu ini pernah menjadi juara dalam carta nasyid radio IKIM.FM dan berjaya berada dalam carta radio tersebut selama 21 minggu.

Cabaran KAGAT dalam Meningkatkan Keberkesanan Membina Kesejahteraan Masyarakat

KAGAT berhadapan dengan beberapa cabaran dalam usaha memastikan keberkesanannya membina kesejahteraan masyarakat Malaysia pada masa depan. Antara cabaran tersebut ialah: Pertama, berdasarkan kepada semakan terhadap laporan kursus serta program-program keagamaan kepada masyarakat yang dianjurkan oleh ILMI ATM mendapati, kursus-kursus yang dilaksanakan oleh ILMI ATM perlu melibatkan penyertaan masyarakat awam melalui agensi tempatan seperti Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Imam dan Bilal serta Kursus Kendiri Wanita Muslimah. Manakala penglibatan penuntut kursus beragama Islam (dalam kursus *Methodology of Dakwah*) dari negara-negara luar yang berstatus MDCP (*Malaysian Defense Cooperation Programme*) atau bukan MDCP perlulah dianjurkan secara konsisten setiap tahun.

Kedua, jumlah keanggotaan KAGAT di pasukan atau formasi perlu ditambah bagi mengimbangi peranan dan tugas KAGAT yang kian bertambah selari dengan bertambahnya jumlah anggota dan penempatan baharu ATM di Medan Barat (semenanjung) dan Medan Timur (Sabah dan Sarawak).

Ketiga, penambahan tenaga pengajar dan penuntut di STAY ATM amatlah diperlukan kerana peranan dan fungsi STAY ATM dalam melahirkan generasi al-Quran di kalangan anak-anak tentera dan pekerja awam di Kementerian Pertahanan begitu mendapat tempat dan perhatian daripada mereka untuk menghantar anak-anak mereka sedangkan kuota kemasukan adalah sangat terhad.

Keempat, kajian mendapati tiada manual khusus berkaitan program keagamaan untuk Program Jiwa Murni disediakan. Manual ini perlu disediakan dengan kadar segera kerana program ini berlangsung setiap tahun melalui tema yang berbeza. Manual tersebut penting untuk menyelaraskan pelaksanaannya demi menghasilkan keberkesanan yang seimbang bagi setiap penganjuran. Sememangnya terdapat manual pelaksanaan aktiviti dalam *Manual Etika Dan Prosedur Pelaksanaan Tugas KAGAT* (1997) namun semakan mendapati ianya khusus kepada manual pelaksanaan aktiviti untuk masyarakat tentera sahaja. Cadangan menerbitkan manual pelaksanaan aktiviti keagamaan untuk Program Jiwa Murni ini perlu diberikan keutamaan kepada pengendalian teknologi dan komunikasi (*ICT*) yang terkini agar dapat menarik perhatian golongan sasaran dan meningkatkan keberkesanan penganjuran.

Kelima, pegawai dan anggota LLP KAGAT perlu dimantapkan dengan kefahaman *qadhaaya al-dakwah* (isu-isu dakwah) yang melibatkan pemahaman berkaitan permasalahan umat dari sudut pandang al-Quran, permasalahan berkaitan dakwah itu sendiri, keadaan umat yang terkini, penyakit umat dalam dakwah serta perkembangan ideologi semasa masyarakat dunia, negara dan masyarakat sasaran (Irwan Prayitno 2003). Tujuan utama memahami *qadhaaya al-dakwah* adalah untuk membina kesedaran dan kematangan dalam menyampaikan dakwah agar para pendakwah tidak dijadikan sasaran kutukan, tawaan dan ejekan masyarakat. Di samping itu, memahami *qadhaaya al-dakwah* juga dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan, keikhlasan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Dalam hubungan ini Saiful (2021) dalam sesi temu bual mencadangkan agar ilmu tasawuf berkonsepkan moden dapat dimasukkan dalam kurikulum Kursus Kerjaya KAGAT supaya para pelatih lebih menghayati nilai-nilai wasatiyyah. Manakala, Reduan (2021) pula berpandangan, subjek Ideologi Semasa perlu disenaraikan dalam '*instructional design*' (reka bentuk pengajaran) bertujuan memahamkan anggota KAGAT berkaitan aliran pemikiran semasa seperti pluralisme, liberalisme, sinkretisme dan lain-lain yang mencabar kesejahteraan masyarakat.

Kesimpulan

Ringkasnya, sejak dari awal penubuhan KAGAT pada tahun 1986 sehingga kini, KAGAT telah berjaya memainkan peranannya dalam membina kesejahteraan masyarakat terhadap komuniti ATM dan komuniti awam berpaksikan pelaksanaan program dakwah yang dilaksanakan di dalam kem tentera atau di luar kem tentera melalui program bantuan ketenteraan dan kemasyarakatan, pendidikan serta persembahan hiburan alternatif yang berasaskan Islam.

Bagi memastikan keberkesanan program yang dianjurkan untuk melonjakkan lagi peranannya, KAGAT perlulah menyasarkan sudut pandang dan sasaran dakwah mereka sehingga ke peringkat antarabangsa. Sasaran tersebut sukar untuk dicapai sekiranya keanggotaannya masih lagi dalam jumlah yang kecil. Di samping itu, anggota KAGAT perlulah dilengkapi dengan manual pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan serta kefahaman *qadhaaya al-dakwah* yang betul.

Rujukan

Al-Quran.

Akbar Dwianto. 2018. Konsep Negara Utama (*al-Madinah al-Fadhilah*) al-Farabi dan Relevansinya Bagi Negara Indonesia. *Tesis Sarjana*. Indonesia: Universitas Islam Raden Intan.

Arahan Pentadbiran Kor Agama Angkatan Tentera No 1. 1988.

Cakera Padat Fursan. 2010.

al-Farabi, Abu Nashr. 2000. *Ara Ahl al-Madinah al-Fadhilah*. Beirut: Dar al-Mashriq.

Ibn Kathir. 1997. *Tafsir al-Quran al-`Azim*. Al-Maktabah al-Asriyyah. Beirut: Lubnan.

Irwan Prayitno. 2003. *Keperibadian Dai*. Jakarta : Pustaka Tarbiatuna.

Ismail Naim Abdullah, Abdul Ghafar Don. 2019. Kepentingan Aspek Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli. *Al-Hikmah* 11(2): 20-36.

Kamus Dewan Edisi Ketiga. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Keseluruhan Kursus Tahun 2011. 2012.

KOD AT No 1- 2017 hingga 2021.

KOD AT No 2 - 2017 hingga 2021.

Malik Bennabi. 2009. *Asal Usul Masyarakat Manusia, Rangkaian Hubungan Sosial*. Terj. Uthman El-Muhammady. Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Manual Etika Dan Prosedur Pelaksanaan Tugas KAGAT. 1997. Cetakan Pertama. Selangor: Nur Niaga Sdn Bhd.

Markas ATM. 2021. *Jabatan Arah KAGAT (KAGAT): Peranan Dan Tanggungjawab*. <https://www.mafhq.mil.my/index.php/my/mengenai-kami/markas-atm/bahagian-perkhidmatan-anggota> [2 Jun 2021]

Mohd Khidir Zakaria. 2021. 3 Pegawai KAGAT Tetap Ingati Tragedi MH17. *Berita Harian*, 18 April 2021: 9.

Mohd Khidir Zakaria. 2019. KAGAT Pantau Askar. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/445642/kagat-pantau-askar> [3 September 2021]

Mohd Mazli Mohd Aini. 2004. Pentadbiran Organisasi KAGAT. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya.

Nurulatiq Ahmad & Nuraziazila Latif. 2011. ILMU Dedah Sistem Ejaan Jawi Diguna Pakai DBP. *Sinar Harian*, 26 Julai 2011: 21.

Nurulhuda. 2021. Program Jiwa Murni: Tentera Darat Turun Padang Bantu Rakyat Setempat. *Air Times*. <https://www.airtimes.my/2021/03/02/program-jiwa-murni-tentera-darat-turun-padang-bantu-rakyat-setempat/> [7 Jun 2021].

Omar Zin. 2021. Kebajikan, Pendidikan STAY ATM Kekal Terpelihara. *Utusan*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/05/kebakikan-pendidikan-stay-atm-kekal-terpelihara/> [4 September 2021].

Pasukan Dakwah Medan KAGAT. 2020. <https://www.facebook.com/profile.php?id=100063830521646> [4 September 2021].

Perintah Majlis Angkatan Tentera Malaysia. 1991. PMAT Bil 9/91.

Riduan Ibrahim. 2021. Pemikiran Pelatih KAGAT Tentang Konsep Wasatiyyah. Temu bual, 24 Julai.

Shaiful Shafie. 2021. Pemikiran Pelatih KAGAT Tentang Konsep Wasatiyyah. Temu bual, 28 Julai.

Slaid Taklimat STAY ATM. 2020.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2020. *Islam Dan Sekularisme*. Terj. Khalif Muammar A.Haris. UTM: RZS-CASIS & HAKIM.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1995. *Prolegomena To The Metaphysics Of Islam. An Exposition Of The Fundamental Elements Of The Worldview Of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Video Montaj HUT PASDAM. 2019.